

Masyarakat tak boleh sisih golongan OKU

Segelintir masyarakat sering memandang serong golongan orang kurang upaya (OKU) dan menyebarkan golongan ini berasa seperti disisihkan dan jauh daripada masyarakat.

Islam galak bantu OKU

Dari perspektif Islam, membantu golongan OKU sangat digalakkan. Ada satu kisah pada zaman Rasulullah SAW yang diriwayatkan, bahawa pada suatu hari Rasulullah SAW didatangi Abdullah Ummi Maktum. Beliau adalah seorang yang cacat penglihatan dan antara golongan yang terawal memeluk Islam. Pada ketika itu, Rasulullah SAW sedang sibuk melayani pembesar Quraisy dalam menyebarkan dakwah agar mereka memeluk Islam. Melihat kehadiran Abdullah yang datang kepada Baginda agar dibacakan ayat-ayat Allah, Baginda berasa terganggu lalu bermasam muka dan berpaling kerana ingin menumpukan perhatian kepada

pembesar Quraisy itu.

Dengan kejadian itu, Allah pun menurunkan wahyu Surah Abasa, ayat 1-11 yang memberi maksud, Allah SWT menegur perbuatan Rasulullah SAW yang memalingkan muka terhadap Abdullah kerana berasa terganggu. Pada ketika itu, Abdullah datang kepada Rasulullah dan meminta agar dibacakan ayat-ayat Allah kerana ingin membersihkan hati. Beliau tidak nampak perilaku Rasulullah SAW kerana beliau buta. Maka, Allah SWT menegur Rasulullah SAW atas perilaku Baginda supaya tidak berasa diri sempurna dan sombong seperti pembesar kafir Quraisy. Utamakan dakwah terhadap orang yang telah beriman terlebih dahulu walaupun cacat dan miskin kerana itu lebih baik. Allah SWT Maha Mengetahui hati manusia.

Berdasarkan kisah al-Quran itu, jelas golongan OKU perlu mendapat perhatian sewajarnya.



FAKTA NOMBOR

445,000

OKU

berdaftar dengan
JKM pada 2012

Golongan OKU perlukan perhatian daripada masyarakat normal.

[GAMBAR HIASAN]

Di Malaysia, jumlah sebenar OKU tidak dapat dipastikan kerana masalah mendapatkan statistik lengkap. Bagaimanapun, berdasarkan statistik dikeluarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), golongan OKU adalah 10 peratus daripada jumlah

diikuti Cina 88,659, India 44,336 dan lain-lain etnik 35,538.

Antara kecacatan dikenal pasti adalah pekak (53,357), buta (40,510), fizikal (148,461), mental (14,990) serta lain-lain kecacatan (187,688). Pada tahun 2013, 494,074 mendaftar dengan JKM dan dijangka meningkat dari tahun ke tahun.

Kerajaan bela kebajikan OKU

Walaupun jumlah ini meningkat, ia tidak menjadi penghalang kepada kita untuk bersama-sama membela dan membantu golongan ini. Segala usaha dilakukan kerajaan adalah langkah baik bagi membela kebajikan dan nasib golongan berkenaan.

Justeru, sebagai masyarakat Malaysia yang prihatin, kita seharusnya berganding bahu membantu dan membela golongan OKU agar kehidupan mereka lebih selamat dan terjamin. Kempen yang dilakukan serta seruan kerajaan hendaklah disahut bersama agar keharmonian dalam masyarakat sejagat itu dapat dicapai dengan jayanya dengan kerjasama semua pihak.

Sakinah Muhammad Kusrin
Universiti Sains Islam Malaysia

penduduk dunia. Sebanyak 80 peratus daripada golongan ini berada di negara membangun.

Berdasarkan statistik PBB, golongan OKU di Malaysia boleh dianggarkan 2.8 juta, iaitu 10 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia.

Selain itu, menurut statistik dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun 2012, seramai 445,000 OKU didaftarkan. Melayu mencatatkan angka tertinggi iaitu seramai 276,473,